



CEMERLANG...(dari kiri) Katrina Ann Abdul Hadi, Fong Ying (wushu) dan Diana (wushu) bersama replika cek anugerah KPT, semalam.

# Fong Ying penerima insentif paling banyak

>>Oleh Saiful Affendy Saprán  
saifulaffendy@hmetro.com.my

**K**ILAUAN pingat emas pada Kejohanan Dunia di Turki menerusi acara Taijijian tahun lalu nyata membawa tuah kepada ratu wushu negara, Chai Fong Ying apabila menerima hadiah insentif kemenangan paling tinggi bernilai RM10,000 pada Majlis Anugerah Kemenangan Sukan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) semalam.

Jumlah itu merangkumi wang tunai, RM7,500, sebuah komputer teblet Samsung Galaxy Tab bernilai RM2,000 serta baucer buku, RM500.

Fong Ying yang gembira dengan kemenangan itu berkata, dia tidak sangka muncul penerima paling tinggi insentif KPT kerana pada mulanya menjangkakan bakal mendapat saingan daripada atlet Institusi Pengajian Tinggi (IPT) lain.

"Saya agak terkejut kerana penganjur langsung tidak

memberitahu mengenainya. Apapun, saya memang gembira kerana sebagai atlet masih belajar, KPT tidak pernah lupa menghargai sumbangan saya sebagai atlet.

"Insentif ini menyuntik semangat saya untuk lebih cemerlang pada masa akan datang. Terima kasih kepada kementerian," kata atlet yang menuntut di Universiti Putra Malaysia (UPM) itu.

Fong Ying berkata, untuk tahun ini, dia akan menumpukan kepada dua kejohanan utama, Kejohanan Asean di Vietnam pada Ogos depan sebelum mengharungi Kejohanan Dunia di Colombia.

"Saya akan cuba yang terbaik pada kedua-dua kejohanan ini. Pada masa ini, saya banyak menghabiskan masa menjalani latihan," katanya.

Rakan sepasukan Fong Ying, Diana Bong yang merangkul perak serta gangsa pada kejohanan sama pula muncul penerima kedua tertinggi, RM7,000.